

4 minit menggerunkan

H/M 8/9/2011 MAS 10

Pelanggan restoran mamak lari bertempiran lima lelaki rompak guna parang dan pisau

>>Oleh Amir Abd Hamid dan Mohamad Naufal Mohamad Idris
am@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Beberapa pelanggan sebuah restoran mamak di Seksyen 15, di sini, termasuk kanak-kanak yang sedang menjamu selera lari lintang-pukang menyelamatkan diri apabila premis itu dimasuki perompak bersenjata parang dan pisau.

Dalam rakaman kamera litar tertutup (CCTV) restoran berkenaan selama empat minit dan 11 saat pada kira-kira jam 4 pagi, 28 Ogos lalu, lima lelaki lengkap bertopi keledar serta ada yang memegang pisau dan parang meluru ke arah pelanggan.

Suspek turut mengacukan senjata tajam ke arah pelanggan sebelum merampas komputer riba milik pelanggan yang tergamam dengan kejadian, malah ada juga suspek cuba merampas beg tangan seorang wanita.

Jelas kelihatan menerusi rakaman CCTV pelbagai sudut, pelanggan sedang menjamu selera dan berbual dianggarkan 10 orang termasuk kanak-kanak yang panik berlari keluar dari restoran berkenaan.

Malah, ada juga pelanggan lelaki yang bertindak spontan melarikan diri dengan melompat besi penghadang restoran untuk menyela-



SERBU...penjenayah memasuki restoran di Seksyen 15, Shah Alam.

GANAS...penjenayah mengacukan senjata tajam kepada pelanggan.



matkan diri.

Pemerhatian turut mendapati, selain daripada beg dan komputer bimbit, perompak itu turut bertindak ganas apabila menyentak sebelum melarikan mesin wang di kaunter

pembayaran restoran itu.

Rakaman kejadian berkenaan turut disiarkan dalam banyak laman web dengan entri bertajuk 'Shah Alam Bukan Lagi Tempat Selamat'.

Ketua Polis Daerah Shah

Alam, Asisten Komisioner Zahedi Ayob, ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan berkata, polis menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat insiden rompak itu.

"Beberapa saksi kejadian turut dipanggil bagi membantu siasatan dan polis masih berusaha mengesan suspek berdasarkan rakaman CCTV di restoran berkenaan.

"Pihak polis berharap orang ramai jangan panik selain tidak membuat sebarang spekulasi mengenai kejadian itu.

"Usaha mengesan kumpulan penjenayah yang bertanggungjawab sedang giat dijalankan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya belum boleh mendedahkan berapa ramai saksi yang dipanggil atau sama ada suspek sudah dikenal pasti atau tidak berikutan tidak mahu menganggu siasatan.

Ditanya mengenai dakwaan yang disiarkan di laman web itu yang mengatakan Shah Alam bukan lagi tempat selamat, Zahedi berkata, ia adalah keterlaluan kerana indeks jenayah di bandar berkenaan masih terkawal.

"Janganlah timbulkan suasana tidak elok dengan mengatakan Shah Alam tidak selamat oleh kerana satu kejadian saja.

"Lagi pun yang kena samun hanyalah sebuah restoran saja bukannya banyak restoran dan kejadian ini bukannya berlaku tiap-tiap hari," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 397 Kanun Keseksaan (KK) kerana melakukan rompak dengan bersenjata.